



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

KompleksIbuPejabat Yayasan Sabah

TelukLikas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

14 April 2022

KUMPULAN YAYASAN SABAH MENYUMBANG KUIH-MUIH AIDILFITRI UNTUK ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN DAN PETUGAS KESIHATAN

KOTA KINABALU - Sempena Majlis Penyerahan Kuih-Muih Hari Raya Aidilfitri kepada Anggota Pasukan Keselamatan dan Petugas Kesihatan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Kumpulan Yayasan Sabah turut terlibat sebagai penyumbang.

Sumbangan terdiri daripada 24 buah kotak yang berisi kuih-muih Aidilfitri dan 12 hamper makanan. Majlis diadakan di Dewan Bankuasi Tingkat 26, Menara Kinabalu pada 13 April 2022.

Sebanyak 29 penyumbang terlibat iaitu Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Mutiara GRS, PUSPANITA cawangan Sabah, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Perindustrian, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Belia dan Sukan, Pejabat Menteri Tugas-Tugas Khas, Kumpulan Yayasan Sabah, Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd., Suria Capital Holdings Berhad, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, Qhazanah Sabah

Berhad, Angkatan Hebat Sdn. Bhd., Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), Kumpulan Sawit Kinabalu, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Cement Industries (Sabah) Sdn. Bhd., SESWANIS dan BALKIS.

Manakala penerima sumbangan pula ialah Markas Pemerintahan Armada Timur, Polis DiRaja Malaysia, Divisyen Ke-5 Infrantri, Tentera Udara DiRaja Malaysia, Angkatan Tugas Bersama 2, ESSCOM, Agensi Penguatkuasaan Maritim, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar Khan Bahadar menzahirkan perasaan gembira terlibat sebagai penyumbang kepada anggota pasukan keselamatan dan petugas kesihatan. Diharap sumbangan kuih-muih ini dapat memberikan kegembiraan kepada mereka dalam suasana menyambut Aidilfitri.



Pic 1 : Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar menyampaikan replika sumbangan kuih muih Aidilfitri kepada Datuk Seri Hajiji.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com